



SIARAN MEDIA Untuk Siaran Segera

AGENSI NUKLEAR MALAYSIA DAN MPOB METERAI MOU BAGI PENYELIDIKAN BERASASKAN SAWIT MENGGUNAKAN TEKNOLOGI SINARAN

BANGI, 16 Mac 2021 – Agensi Nuklear Malaysia dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) hari ini memeterai satu perjanjian persefahaman (MoU) bagi kerjasama dalam pelaksanaan dua projek penyelidikan berasaskan sawit menggunakan teknologi sinaran dan projek-projek lain yang berpotensi pada masa akan datang.

MoU yang dimeterai hari ini merupakan langkah permulaan dan akan bertindak sebagai payung bagi kerjasama pelaksanaan projek penyelidikan di antara Agensi Nuklear Malaysia dan MPOB. Projek pertama adalah penyelidikan bersama dalam poliol sawit dan bio-poliol poliester untuk penghasilan penyerakan poliuretana akrilat berasaskan air untuk penghasilan bahan salutan termaju menggunakan teknologi sinaran.

Projek kedua adalah penyelidikan bersama dalam poliol sawit dan bio-poliol poliester untuk penghasilan resin fotopolimer untuk penghasilan pencetakan perancah 3D untuk kejuruteraan tisu dalam aplikasi biomedik menggunakan teknologi sinaran. Bagi projek-projek lain yang berpotensi, kedua-dua pihak akan menjalankan penyelidikan dalam bidang yang bersesuaian pada masa akan datang setelah dipersetujui bersama.

Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia, Ts. Dr. Siti A'iasah Hashim berkata, beliau berharap kepakaran penyelidik kedua-dua agensi dan juga kemudahan serta makmal kedua-dua pihak dapat digunakan untuk menjayakan kerjasama tersebut. “Keadaan semasa negara yang sedang berusaha menangani pandemik COVID-19 diharap tidak akan menjejaskan dan menyebabkan aktiviti yang dirancang akan tertangguh dan objektif projek yang telah ditetapkan dapat dicapai sepenuhnya.”

Ts. Dr. Siti A'iasah juga menyatakan bahawa Nuklear Malaysia menyambut baik kerjasama dengan MPOB bagi menjalankan penyelidikan untuk meluaskan industri agrosains dan bioteknologi di Malaysia. Nuklear Malaysia juga sedang giat menjalankan penyelidikan melalui teknologi hijau yang berkonsepkan pembangunan mapan dan memulihara alam sekitar. Dengan ini dapat menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara sekaligus menjaga alam sekitar yang bersih dan sihat.



Adalah menjadi harapan Nuklear Malaysia agar hasil kerjasama penyelidikan dapat mencetuskan industri baharu yang boleh menyokong usaha ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara berteknologi tinggi yang mapan.

Manakala Ketua Pengarah MPOB, Dr. Ahmad Parveez Hj. Ghulam Kadir berkata, MPOB mempunyai teknologi dan kepakaran untuk menghasilkan polioliol berasaskan sawit dan bio-polioliol poliester. “Polioliol yang dihasilkan adalah sesuai untuk penghasilan bahan salutan termaju daripada penyerakan poliuretana berasaskan air dan pencetakan perancah 3D untuk kejuruteraan tisu dalam aplikasi biomedik serta Agensi Nuklear Malaysia pula mempunyai kepakaran dalam bidang penyelidikan dan penggunaan teknologi sinaran serta mempunyai teknologi pencetakan perancah 3D,”

Nuklear Malaysia ialah sebuah agensi penyelidikan dalam bidang sains dan teknologi nuklear di Malaysia yang bervisikan sains dan teknologi nuklear untuk penjanaan ilmu, kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat dan negara. Nuklear Malaysia juga adalah peneraju kecemerlangan dalam bidang penyelidikan dan penggunaan teknologi nuklear untuk pembangunan lestari yang telah terzhahir melalui pelbagai projek kerjasama teknikal dengan agensi-agensi tertentu.

MPOB merupakan sebuah badan berkanun dalam penyelidikan dan pembangunan yang memainkan peranan penting dalam menggalakkan dan membangunkan matlamat, dasar dan keutamaan negara bagi kelestarian industri sawit di Malaysia.

-TAMAT-

DIKELUARKAN SECARA BERSAMA OLEH :

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)**

Dan

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (MPOB)**